

Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan PIKeBM dalam Aktiviti Kokurikulum

(Teacher's Readiness towards the Implementation of PIKeBM in Co-Curricular Activities)

Nasiyatun Ummah Nasir¹, Nurul Haniza Samsudin^{1*}, Mardian Shah Omar¹,
Nur Azimah Mohd Bukhari¹

¹ Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

*Pengarang Koresponden: haniza_85@um.edu.my

Received: 27 October 2023 | Accepted: 13 December 2023 | Published: 31 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.4.9>

Abstrak: Kemahiran lisan dalam bahasa Melayu merupakan kemahiran yang ditekankan dalam pelaksanaan PIKeBM. Namun begitu, pelaksanaan PIKeBM sebagai aktiviti sisipan dalam kokurikulum dilihat tidak seberapa memberangsangkan. Hal ini demikian kerana, tinjauan awal ke salah satu sekolah menengah memperlihatkan tidak semua aktiviti kokurikulum disisipkan dengan PIKeBM. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis tahap kesiediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai sisipan wajib dalam aktiviti kokurikulum. Kajian dengan reka bentuk kuantitatif deskriptif ini telah memilih 30 orang guru sekolah menengah sebagai responden melalui kaedah persampelan bertujuan untuk menjawab satu set borang soal selidik. Kajian ini turut mengaplikasikan Model Proses Pendidikan Bryant (1974) yang menekankan tiga faktor tahap kesiediaan guru iaitu input, gerak kerja dan sikap. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesiediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai sisipan wajib dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi walaupun masih terdapat peratusan kecil guru yang sebenarnya masih kurang cakna akan pelaksanaan PIKeBM yang telah berkuatkuasa bermula Mac 2021 lalu. Tahap kesiediaan guru yang tinggi ini sangat berkait rapat dengan tahap pengetahuan, kemahiran serta sikap guru terhadap pelaksanaan PIKeBM itu sendiri. Oleh itu, para guru sebenarnya sudah mempersiapkan diri dengan ilmu dan maklumat yang lengkap berpandukan modul PIKeBM yang telah digariskan oleh KPM. Kajian ini boleh menjadi penanda aras awal atau kajian rintis berkenaan tahap pelaksanaan PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum memandangkan belum ada kajian yang memfokuskan PIKeBM pernah dijalankan oleh pengkaji lain. Oleh itu, pengkaji sangat berharap kajian yang memfokuskan kepada PIKeBM ini dapat dijalankan dengan skop dan perspektif yang lebih luas agar pihak KPM dapat menilai keberkesanan strategi yang dicanangkan kepada warga pendidik di Malaysia.

Kata kunci: PIKeBM, kokurikulum, kesiediaan guru, pengetahuan guru, kemahiran guru

Abstract: Oral skills in the Malay language are skills that are emphasized in the implementation of PIKeBM. However, the implementation of PIKeBM as an insertion activity in the co-curriculum is seen as not very encouraging. This is because, a preliminary survey of one of the secondary schools showed that not all extracurricular activities were included with PIKeBM. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the level of teacher readiness for the implementation of PIKeBM as a mandatory inclusion in co-curricular activities. This study with a descriptive quantitative design has selected 30 secondary school

teachers as respondents through a sampling method aimed at answering a set of questionnaires. This study also applies Bryant's Educational Process Model (1974) which emphasizes three factors of the level of teacher readiness, namely input, work movement and attitude. The results of the study found that the level of preparedness of teachers towards the implementation of PIKeBM as a mandatory inclusion in co-curricular activities is high even though there is still a small percentage of teachers who are actually still not sure about the implementation of PIKeBM which has come into force since March 2021. This high level of teacher readiness is closely related to the level of knowledge, skills and attitudes of teachers towards the implementation of PIKeBM itself. Therefore, the teachers have actually prepared themselves with complete knowledge and information based on the PIKeBM module that has been outlined by the Ministry of Education and Culture. This study can be an initial benchmark or a pilot study regarding the level of implementation of PIKeBM in co-curricular activities since there has not been a study focusing on PIKeBM conducted by other researchers. Therefore, the researcher sincerely hopes that this study focusing on PIKeBM can be carried out with a wider scope and perspective so that the Ministry of Education and Culture can evaluate the effectiveness of the strategy proposed to educators in Malaysia.

Keywords: PIKeBM, co-curriculum, teacher's readiness, teacher's knowledge, teacher's skills

1. Pengenalan

Usaha memartabatkan bahasa Melayu, khususnya dalam bidang pendidikan bahasa Melayu merupakan sebuah agenda nasional yang perlu digalas dan dijunjung oleh segenap lapisan warga negara ini. Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 dalam strategi kelima adalah memperkukuhkan bahasa Melayu melalui kokurikulum telah menetapkan pelaksanaan Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) di sekolah-sekolah di Malaysia. PIKeBM merupakan program sisipan wajib kemahiran lisan yang dijalankan pada setiap perjumpaan aktiviti kokurikulum bagi membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu. Sisipan PIKeBM dilaksanakan selama 10 minit sahaja dengan pelaksanaan secara santai dan menyeronokkan. Dalam aktiviti kokurikulum, pelajar sememangnya akan didedahkan dengan pelbagai kemahiran yang boleh diasah. Oleh itu, PIKeBM merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilihat mampu menggilap kemahiran lisan pelajar dalam bahasa Melayu.

Setiap guru seharusnya membuat perancangan awal dalam melaksanakan PIKeBM mengikut kesesuaian modul PIKeBM yang telah ditetapkan oleh KPM. Perkara inilah yang sebenarnya menjurus kepada tahap kesediaan guru. Menurut Gill dan Dalgarno (2008) kesediaan dimaksudkan sebagai situasi atau keadaan yang menunjukkan seseorang telah bersedia untuk melaksanakan sesuatu. Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM merupakan hal yang diutamakan dan menjadi hala tuju pengkaji. Hal ini demikian kerana, guru merupakan individu yang menjadi fungsi utama dalam melebarkan kurikulum kerana setiap sikap guru akan membantu meningkatkan kemahiran pembelajaran pelajar-pelajarnya (Baharuddin, 2011). Justeru, pengkaji ingin mengkaji tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM kerana guru akan bertindak sebagai pelaksana utama PIKeBM di sekolah.

2. Sorotan Kajian

Sorotan kajian, atau dalam bahasa Inggerisnya literature review, ialah komponen yang sangat penting dalam sebuah kajian akademik. Menurut Chuan Yan Piaw (2006), sorotan kajian merujuk kepada rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperolehi maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dijalankan. Mazarul Hasan et al (2020) telah melakukan sebuah kajian bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah daripada aspek kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (sikap) terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di Pelabuhan Klang, Selangor. Kaedah yang berbentuk tinjauan ini telah melibatkan 60 orang guru Pendidikan Islam di Pelabuhan Klang sebagai responden kajian. Berdasarkan aspek kognitif, hasil kajian mendapati bahawa responden mempunyai kesediaan yang tinggi dari aspek pengetahuan isi kandungan dan pedagogi mata pelajaran yang diajar dengan menerapkan elemen-elemen pembelajaran abad ke-21. Di samping itu, berdasarkan aspek psikomotor dan afektif pula, pengkaji tersebut mendapat skor min yang sederhana terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Skor min sederhana ini masih dapat membuktikan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Namun kelompangan dalam kajian ini dilihat apabila pengkaji tersebut tidak mengaplikasikan mana-mana teori atau pendekatan bagi menjelaskan pemilihan setiap aspek yang menjadi angkubah dalam kajian ini.

Seterusnya, Nur Fatahiyah Mohamed Hata dan Siti Nur Diyana Mahmud (2020) telah mengaplikasikan gabungan Teori Pendidikan Fullan (2001) dan Model Proses Pendidikan Bryant (1974) dalam mengenal pasti kesediaan guru-guru Sains dan Matematik untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan STEM. Kajian yang melibatkan 58 orang guru sekolah rendah ini telah memperlihatkan hasil yang memberangsangkan apabila terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan STEM dengan tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendidikan STEM walaupun tiada hubungan signifikan antara kesediaan guru dan pengalaman mengajar pendidikan STEM. Kajian ini secara tidak langsung telah membuka mata pihak pentadbir sekolah dalam menilai kekuatan dan kelemahan para guru melalui profil tahap kesediaan guru dan merangka strategi pelaksanaan yang sesuai. Kajian ini merupakan kajian yang hampir mirip dengan kajian pengkaji walaupun menggunakan korpus yang berbeza iaitu daripada aspek kurikulum. Kajian pengkaji adalah berdasarkan aspek kokurikulum. Namun, penelitian terhadap kajian ini telah memberi idea kepada pengkaji terhadap pelaksanaan kajian kesediaan guru.

Kajian kesediaan guru juga dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin (2021). Kajian ini memanfaatkan korpus Google Classroom sebagai inti dalam mengkaji tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru sekolah menengah di luar bandar terhadap penggunaan Google Classroom dalam proses PdP. Kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif ini telah mengaplikasikan Model Penerimaan Teknologi (1989) untuk melihat penerimaan pembelajaran menggunakan Google Classroom pasca pandemik Covid-19. Hasilnya, didapati bahawa tahap pengetahuan guru-guru sekolah menengah luar bandar terhadap pelantar M-pembelajaran Google Classroom pada tahap rendah dan kesediaan guru-guru sekolah menengah luar bandar terhadap pelantar M-pembelajaran iaitu Google Classroom dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) adalah pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan semangat dan keinginan para guru tersebut untuk mempelajari kemahiran teknologi baru sangat tinggi walaupun pengetahuan mereka berkenaan teknologi tersebut masih rendah.

Selain itu, masih berkisar kepada pandemik Covid-19, sebuah kajian tentang kesediaan guru menerima pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 turut dijalankan oleh Tai Hui Ling dan Suziyani Mohamed (2022). Kesan terbesar pandemik yang mengubah system pendidikan tradisional kepada pendidikan dalam talian menyebabkan para guru terbeban dengan proses penyesuaian diri yang perlu dilakukan secara pantas. Kajian kuantitatif dengan penglibatan 300 orang guru sebagai sampel ini telah memperlihatkan bahawa tahap kesediaan guru dari segi tahap pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru adalah berada dalam tahap sederhana (3.13). Hasil dapatan ini dianggap masih wajar kerana kesediaan guru dalam menjalankan pembelajaran secara dalam talian sememangnya memerlukan proses yang melibatkan masa dan kemahiran dalam menyesuaikan diri.

Tan Ching dan Ruhizan Mohammad Yasin (2022) melaksanakan sebuah kajian untuk meninjau penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Kajian ini dilaksanakan dengan menerapkan Model Proses Pendidikan Bryant (1974) yang menekankan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengajaran berkualiti. Kajian yang berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik berskala likert telah melibatkan 103 orang sebagai sampel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Inggeris untuk menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana manakala sikap guru berada pada tahap yang tinggi. Walaupun kajian ini merupakan kajian yang mengkaji bidang bahasa yang berbeza, namun kajian ini merupakan kajian yang menjadi inspirasi kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian tentang tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM.

Berdasarkan hasil penelitian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati belum ada pengkaji yang memfokuskan pelaksanaan PIKeBM sebagai bahan kajian utama. Kajian tahap kesediaan guru terhadap pelbagai perspektif berbeza dengan mengaplikasikan teori dan pendekatan yang berlainan sememangnya sudah banyak dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Berdasarkan penjelasan ini, rasional kajian dilakukan dalam mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sudah jelas dan sangat wajar diteruskan.

3. Permasalahan Kajian

Strategi Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu merupakan usaha yang dibawa oleh KPM untuk meningkatkan kedudukan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan di Malaysia. Kemahiran lisan dalam bahasa Melayu merupakan kemahiran yang ditekankan dalam pelaksanaan PIKeBM. Menurut Nora' Azian Nahar dan Nurul Jamilah Rosly (2022), kemahiran lisan terhasil daripada gabungan kemahiran mendengar dan bertutur. Pelaksanaan PIKeBM sebagai aktiviti sisipan dalam kokurikulum dilihat tidak seberapa memberangsangkan. Hal ini demikian kerana, tinjauan awal ke salah satu sekolah menengah memperlihatkan tidak semua aktiviti kokurikulum disisipkan dengan PIKeBM. PIKeBM yang seharusnya merupakan sisipan wajib perlu dilaksanakan pada setiap perjumpaan kokurikulum sama ada perjumpaan persatuan, badan beruniform, serta sukan dan permainan.

Seterusnya, berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap sorotan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian yang memanfaatkan korpus PIKeBM sebagai bahan kajian utama. Hal ini berkemungkinan disebabkan hebahan berkenaan pelaksanaan PIKeBM ini baru sahaja diwar-warkan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bahagian 1 tahun 2021. Kebanyakan kajian berkenaan aktiviti kokurikulum hanya dijalankan dari segi manfaat, kepentingan dan hubungan terhadap sahsiah pelajar.

Berdasarkan daripada dua permasalahan yang telah disebutkan, sangatlah wajar sebuah kajian berkenaan PIKeBM ini dijalankan oleh pengkaji untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaannya dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini demikian kerana, peranan guru dalam pelaksanaan program ini amat penting dalam menjamin keberhasilan dalam usaha yang telah dicanang oleh KPM dalam meningkatkan kemahiran lisan bahasa Melayu pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Hal ini demikian kerana, guru merupakan agen pelaksana yang menentukan keberhasilan sebarang perubahan yang dilaksanakan oleh KPM dalam meningkatkan sistem pendidikan negara (Mazarul Hasan et al, 2020)

4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berlandaskan dua objektif utama, iaitu:

- i. Menenal pasti tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai sisipan wajib dalam aktiviti kokurikulum.
- ii. Menganalisis tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai sisipan wajib dalam aktiviti kokurikulum

5. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan bahagian penting dalam kajian yang memerlukan perancangan yang teliti oleh pengkaji sebelum gerak kerja kajian dijalankan. Hal ini demikian kerana, metodologi kajian merupakan aspek yang akan menentukan kelancaran dan keberhasilan sesebuah kajian. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang mengaplikasikan reka bentuk kaedah kuantitatif deskriptif yang mencakupi proses pengumpulan data dan penganalisisan data. Proses pengumpulan data dijalankan melalui kaedah kepustakaan dan soal selidik. Kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah wajib dalam sesebuah kajian kerana penghasilan sorotan kajian dilakukan melalui pembacaan terhadap kajian-kajian terdahulu sama ada berbentuk tesis, artikel dan lain-lain.

Pengumpulan data juga dilakukan melalui hebahan borang soal selidik yang berbentuk Google Form kepada para responden. Soal selidik merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang dianggap lebih praktikal dalam sebuah kajian berbentuk kuantitatif. Hal ini demikian kerana borang soal selidik merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat di samping penggunaan soalan tertutup dalam soal selidik memudahkan pengkaji untuk menganalisis keseragaman jawapan responden.

Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menerusi pengaplikasian borang soal selidik berskala likert yang berbentuk tinjauan. Borang soal selidik ini disediakan dalam bentuk softcopy. Soal selidik dihantar kepada setiap responden melalui aplikasi WhatsApp bagi memudahkan proses pengumpulan data. Set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden diadaptasi daripada Garis Panduan Pelaksanaan PIKeBM yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2021 dan diubah serta ditambah baik kandungannya supaya selaras dengan matlamat kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji dapat melihat data-data melalui Google Spreadsheet yang berpautan dengan soal selidik yang berbentuk Google Form. Data yang berjaya dikumpulkan seterusnya diproses dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 28.0. Menurut Creswell (2008), penggunaan SPSS dalam menganalisis data kajian mampu menghasilkan pengiraan tepat dan cepat. Terdapat empat bahagian dalam borang soal selidik yang perlu dijawab oleh responden seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Bahagian-bahagian dalam Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara
Bahagian A	Maklumat demografi responden
Bahagian B	Pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM
Bahagian C	Kemahiran guru terhadap pelaksanaan PIKeBM
Bahagian D	Sikap guru terhadap pelaksanaan PIKeBM

Para responden dikehendaki menjawab soal selidik berdasarkan tahap persetujuan mereka terhadap pernyataan seperti berikut:

Jadual 2: Skor Skala Likert

Tahap persetujuan	Skor
Sangat tidak setuju (STS)	1
Tidak setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Min bagi item-item dalam persoalan kajian dianalisis dan dikategorikan mengikut tahap seperti berikut:

Jadual 3: Interpretasi skor min Skala Likert

Skor min	Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi
2.34 - 3.67	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

Lokasi kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian kerajaan di Shah Alam, Selangor. Lokasi kajian ini dipilih kerana berdasarkan tinjauan awal pengkaji terhadap beberapa orang guru di sekolah tersebut mendapati bahawa ada segelintir guru yang tidak tahu akan kewujudan serta pelaksanaan PIKeBM. Oleh sebab itu, pengkaji memilih lokasi kajian ini untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM yang merangkumi aspek pengetahuan guru, kemahiran guru dan sikap guru terhadap pelaksanaannya.

Responden kajian

Kajian ini telah memanfaatkan kaedah pensampelan bertujuan. Pemilihan kaedah pensampelan bertujuan dapat menentukan responden yang sesuai dan khusus dengan tujuan utama kajian. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan responden yang menepati kriteria yang diperlukan dalam kajian ini iaitu guru sekolah menengah tanpa mengira opsyen subjek pengajarannya. Hal ini demikian kerana, PIKeBM merupakan sebuah kaedah sisipan dalam aktiviti kokurikulum yang perlu dilaksanakan oleh semua guru aliran perdana sekolah menengah bermula daripada guru Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kaedah pensampelan tujuan ini merupakan kaedah pensampelan yang paling bertepatan dengan keperluan pengkaji. Kajian ini melibatkan 30 orang guru tanpa mengambil kira opsyen subjek yang diajarkan di sebuah sekolah menengah di Shah Alam, Selangor.

Teori kajian

Kajian ini mengaplikasikan Model Proses Pendidikan Bryant. Model ini telah diperkenalkan pada tahun 1974. Dalam Model Bryant (1974), terdapat tiga elemen utama yang menentukan keberkesanan sesebuah proses pendidikan. Tiga faktor Model Proses Pendidikan Bryant iaitu faktor input, gerak kerja dan sikap merupakan faktor yang akan mempengaruhi tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM. Dalam kajian ini, kesediaan guru ditinjau dari tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan Model Proses Pendidikan Bryant (1974).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pengetahuan ialah perihal mengetahui apa-apa yang diketahui dan menunjukkan kepandaian, kebijakan, berilmu dan terpelajar. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan tentang PIKeBM merujuk kepada pengetahuan tentang konsep asas PIKeBM. Ia meliputi pengetahuan tentang definisi, ciri-ciri, kepentingan, kelebihan, teras pelaksanaan, objektif dan peranan guru dalam melaksanakan PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum. Kemahiran pula merujuk kepada kecekapan atau kepandaian melakukan sesuatu. Dalam kajian ini, kemahiran guru ditinjau melalui kekreatifan dan usaha guru-guru dalam menggalakkan penglibatan pelajar sepanjang pelaksanaan PIKeBM. Sikap guru pula merupakan aspek penting dalam menjamin kelancaran pelaksanaan PIKeBM. Hal ini demikian kerana, sikap yang positif dalam diri seorang guru akan menghasilkan kesediaan yang diharapkan untuk melaksanakan sesuatu perubahan (Adibah dan Malathy 2010). Dengan itu, dalam konteks kajian ini, sikap guru terhadap pelaksanaan PIKeBM dilihat berdasarkan persepsi guru terhadap PIKeBM, keyakinan guru terhadap PIKeBM dan juga inisiatif guru berkaitan pelaksanaan PIKeBM.

Justeru, pendekatan Model Proses Pendidikan Bryant (1974) ini dilihat sebagai sebuah pendekatan yang paling sesuai bagi mengenal pasti dan menganalisis tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai sisipan wajib dalam aktiviti kokurikulum.

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan objektif yang telah dinyatakan. Dapatan dan analisis ini akan dibincangkan dalam empat bahagian iaitu bahagian A (demografi responden), bahagian B (pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM), bahagian C (kemahiran guru terhadap pelaksanaan PIKeBM) dan bahagian D (sikap guru terhadap pelaksanaan PIKeBM).

Jadual 4: Demografi Responden Kajian

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	9	30
Perempuan	21	70
Umur		
Bawah 25 tahun	4	13.3
26 tahun hingga 35 tahun	13	43.3
36 tahun hingga 45 tahun	7	23.3
46 tahun ke atas	6	20
Pengalaman mengajar		
Kurang dari 1 tahun	3	10
1 hingga 5 tahun	11	36.7
6 hingga 10 tahun	7	23.3
10 tahun ke atas	9	30

Mata pelajaran yang diajar		
Opsyen bahasa Melayu	15	50
Bukan Opsyen bahasa Melayu	15	50
Kelulusan akademik		
Diploma	0	0
Sarjana Muda	26	86.7
Sarjana	3	10
Doktor Falsafah	1	3.3

Berdasarkan jadual 4, dapat diteliti paparan demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur, pengalaman mengajar, mata pelajaran yang diajar dan kelulusan akademik. Responden kajian ini sebanyak 30 orang dan hasil memaparkan responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki iaitu sebanyak 21 orang (70%), manakala responden lelaki hanya 9 orang (30%) sahaja. Pada peringkat umur pula, peratus tertinggi tercatat 43.3% dalam lingkungan umur 26 tahun hingga 35 tahun. Jika diteliti berdasarkan peratusan umur tersebut, maka dapat dirumuskan bahawa pengalaman mengajar guru-guru juga tidak lebih daripada 1 hingga 5 tahun (36.7%). Hal demikian kerana sama ada responden tersebut baharu sahaja menamatkan pengajian atau baru sahaja mendapat tempat penempatan. Majoriti responden untuk kajian ini juga dilihat sejajar dengan hasil keputusan pengalaman guru iaitu, di mana responden memiliki tahap kelulusan akademik Ijazah Sarjana Muda Pendidikan sebanyak 26 orang (86.7%). Terdapat juga responden yang menyambung pengajian lebih tinggi sebagai pasca siswazah sebanyak 4 orang. Selain itu, hasil demografi juga memperlihatkan sebanyak 15 orang responden mengajar di dalam subjek opsyen Bahasa Melayu dan 15 orang lagi responden mengajar subjek bukan opsyen di lokasi kajian tersebut.

Jadual 5: Pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM

No item	Pernyataan	Peratusan					Jumlah	
		STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
B6	Saya tahu, faham dan jelas tentang definisi PIKeBM.	0	3.3	20	43.3	33.3	4.07	0.83
B7	Saya mengetahui ciri-ciri pelaksanaan PIKeBM.	0	6.7	20	43.3	30	3.97	0.89
B8	Saya mengetahui objektif dan teras pelaksanaan PIKeBM.	0	6.7	20	40	33.3	4.00	0.91
B9	Saya mengetahui konsep pelaksanaan PIKeBM sebagai aktiviti sisipan wajib kokurikulum.	0	6.7	20	36.7	36.7	4.03	0.93
B10	Saya tahu cara untuk mengaplikasikan modul PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum.	0	6.7	13.3	46.7	33.3	4.07	0.87

Berdasarkan jadual 5, bahagian ini telah dianalisis berdasarkan lima soalan yang berkaitan dengan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM. Penganalisisan data mengesan bahawa responden tahu, faham dan jelas tentang definisi PIKeBM (pernyataan B6) serta mengetahui cara untuk mengaplikasikan modul PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum (pernyataan B10) menerusi nilai skor min yang tercatat pada tahap tertinggi iaitu 4.07, dengan sisihan piawai sebanyak 0.83 dan 0.87. Nilai min minimum pula dapat dilihat pada pengetahuan responden terhadap ciri-ciri pelaksanaan PIKeBM (pernyataan B7) iaitu 3.97, namun masih lagi berada pada tahap yang signifikan. Hasil pemeriksaan juga mendapati dua pertiga responden lebih cenderung memberi maklum balas dengan memilih skala empat mata iaitu setuju terhadap pelaksanaan PIKeBM. Hanya peratusan kecil sebanyak 6.7 % iaitu mewakili 2 orang sahaja responden yang kurang berminat terhadap pelaksanaan PIKeBM. Namun, keputusan ini tidak boleh diambil sebagai sebuah bukti untuk membuktikan persepsi negatif responden terhadap PIKeBM kerana keputusan tidak mewakili persepsi majoriti.

Berdasarkan tinjauan yang diperoleh, kajian mendapati kebanyakan responden sudah mengetahui konsep dan cara pelaksanaan aktiviti ini menerusi modul yang diperoleh mereka. Pengetahuan asas responden sudah terbentuk di dalam diri dan hasil ini sejajar dengan aspek input yang menekankan pengetahuan dalam Model Proses Pendidikan Byant (1974). Tahap pengetahuan yang tinggi terhadap PIKeBM dalam kalangan guru-guru menunjukkan bahawa para guru sememangnya peka terhadap segala usaha yang dijalankan oleh KPM dalam strategi mengukuhkan bahasa Melayu melalui kokurikulum. Hal ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi hubungan signifikan yang terjadi antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM.

Jadual 6: Kemahiran guru terhadap pelaksanaan PIKeBM

No item	Pernyataan	Jumlah					
		STS	TS	TP	S	SS	Min SP
C11	Saya bersedia melaksanakan PIKeBM berdasarkan panduan modul PIKeBM yang disediakan oleh KPM.	0	6.7	13.3	40	40	4.13 0.90
C12	Saya sentiasa membuat persediaan awal dalam merancang aktiviti PIKeBM sebagai sisipan wajib aktiviti kokurikulum.	0	10	10	43.4	36.7	4.07 0.94
C13	Saya akan memastikan bahan PIKeBM yang saya sediakan mampu meningkatkan penglibatan pelajar.	0	6.7	13.3	40	40	4.13 0.90
C14	Saya mahir untuk mewujudkan persekitaran yang seronok dan santai semasa pelaksanaan PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum.	0	6.7	20	33.3	40	4.07 0.94
C15	Saya mahir dalam mempelbagaikan aktiviti PIKeBM mengikut kesesuaian tajuk dan konsep pelaksanaan PIKeBM.	0	6.7	13.3	43.3	36.7	4.10 0.89
C16	Saya mahir dalam mengelola aktiviti PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum berdasarkan perancangan masa yang ditetapkan.	0	6.7	16.7	36.7	40	4.10 0.92
C17	Saya mahir menstruktur proses pelaksanaan PIKeBM secara teratur dan berkesan dengan melibatkan pelajar melalui perspektif yang berbeza.	0	13.3	17.2	41.4	31	3.93 0.96

Jadual 6 di atas menunjukkan soalan tinjauan berdasarkan kemahiran guru terhadap pelaksanaan PIKeBM dari aspek kemahiran aktiviti dan persekitaran. Berdasarkan dapatan kajian bahagian ini, nilai skor min tercatat pada tahap yang tertinggi, iaitu 4.13 dengan sisihan piawaian 0.90 ialah pernyataan bahawa responden bersedia melaksanakan PIKeBM berdasarkan panduan modul PIKeBM yang disediakan oleh KPM (pernyataan C11) dan responden akan memastikan bahawa bahan PIKeBM yang disediakan dapat meningkatkan penglibatan pelajar (pernyataan C13). Jika diteliti nilai minimum min bagi tahap kemahiran guru ini pula adalah sebanyak 3.93 dengan sisihan piawai 0.96, iaitu responden mahir menstruktur proses pelaksanaan PIKeBM secara teratur dan berkesan dengan melibatkan pelajar melalui perspektif yang berbeza. Nilai min minimum ini juga memperlihatkan skala 2 mata tidak setuju yang terbanyak pada pernyataan tersebut iaitu 13.3%. Terdapat 4 orang guru yang tidak mahir dalam menstrukturkan pelaksanaan ini. Hal demikian berlaku berkemungkinan kerana responden kurang didedahkan dengan simulasi dalam menstruktur aktiviti.

Kemahiran yang tinggi dalam aspek penyediaan bahan dan proses pelaksanaan tersebut amat bertepatan dengan aspek gerak kerja yang diketengahkan dalam Model Proses Pendidikan Bryant (1974). Kemahiran merupakan sesuatu yang perlu diasah dalam memastikan

penguasaannya. Berdasarkan KPM (2021), para guru sudah dibekalkan dengan modul lengkap berkenaan pelaksanaan PIKeBM. Tahap kemahiran guru yang tinggi dalam aspek penyediaan bahan dan proses pelaksanaan tersebut memperlihatkan bahawa para guru sudah menelaah modul PIKeBM yang disediakan serta telah mempraktikkannya dengan para pelajar ketika pelaksanaan 10 minit PIKeBM. Walaupun terdapat guru yang tidak mahir dalam menstrukturkan pelaksanaan PIKeBM ini, namun perkara ini boleh dilatih seiring dengan kekerapan pelaksanaan PIKeBM yang telah dijalankan oleh para guru. Semakin kerap pelaksanaan PIKeBM, maka akan semakin terasah kemahiran guru menstrukturkan pelaksanaannya mengikut cara yang lebih berkesan.

Jadual 7: Sikap guru terhadap pelaksanaan PIKeBM

No item	Pernyataan	Peratusan					Jumlah	
		STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
D18	Saya percaya bahawa pelaksanaan PIKeBM dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar.	0	3.3	20	26.7	50	4.23	0.90
D19	Saya percaya bahawa pelaksanaan PIKeBM mampu mewujudkan suasana atau persekitaran yang lebih menggalakkan penglibatan pelajar.	0	6.7	16.7	30	46.7	4.17	0.95
D20	Saya yakin bahawa pelaksanaan PIKeBM dapat mengubah sikap pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu.	0	3.3	16.7	36.7	43.3	4.20	0.85
D21	Saya yakin pelaksanaan PIKeBM dapat meningkatkan peluang pelajar menguasai bahasa Melayu secara lisan.	0	6.9	13.8	31	50	4.21	0.94
D22	Saya bersikap positif terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai aktiviti sisipan kokurikulum.	0	6.7	10	43.3	40	4.17	0.87

Jadual 7 di atas menunjukkan soalan tinjauan berdasarkan sikap guru terhadap pelaksanaan PIKeBM. Berdasarkan dapatan kajian bahagian ini, nilai skor min tercatat pada tahap yang tertinggi, iaitu 4.23 dengan sisihan piawai ialah 0.90 pernyataan bahawa menerusi pelaksanaan PIKeBM dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar. Nilai min minimum 4.17 pula dapat dilihat pada sikap responden yang mempercayai bahawa pelaksanaan PIKeBM mampu mewujudkan suasana atau persekitaran yang lebih menggalakkan penglibatan pelajar serta pelaksanaan aktiviti ini sebagai sisipan kokurikulum telah mendapat nilai positif daripada responden.

Sikap-sikap positif yang diberikan oleh responden ini amat bertepatan dengan aspek sikap yang sememangnya diulang berkali-kali dalam Model Proses Pendidikan Bryant (1974). Sikap bukan sahaja memperlihatkan kesediaan guru dalam melakukan sesuatu bahkan sikap juga mampu membentuk motivasi dan aspirasi guru dalam melakukan sesebuah aktiviti bersama pelajar. Sikap seorang guru juga sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pengalamannya dalam bidang pendidikan. Menurut Akerson et al. (2000), guru yang sudah berkhidmat lebih dari lima tahun merupakan guru berpengalaman manakala guru yang berkhidmat kurang lima tahun merupakan guru yang kurang berpengalaman. Umur guru juga mempengaruhi sikapnya dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Hal ini demikian kerana lebih lama guru berkhidmat, maka kemampuannya dalam mempelbagaikan sesebuah aktiviti akan lebih tinggi. Hal ini demikian kerana, guru tersebut sudah sering menjalankan aktiviti bersama pelajar dan mampu membanding bezakan aktiviti yang bermanfaat dan tidak. Oleh sebab itu, guru yang lebih berpengalaman cenderung mempunyai sikap yang lebih positif dan sentiasa optimis terhadap usaha kerajaan dalam meningkatkan kemahiran lisan bahasa Melayu pelajar.

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PIKeBM sebagai sisipan wajib dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi. Hal ini selaras dengan hasrat dan inisiatif KPM (2017) yang dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 untuk memperkukuh bahasa Melayu melalui aktiviti kokurikulum. Tahap kesediaan guru yang tinggi ini juga sebagai tanda bahawa sahutan KPM dalam memartabatkan bahasa Melayu melalui pendidikan telah disambut baik oleh para guru. Menurut Baharin dan Hasnita (2010) kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu perkerjaan atau tugas yang bergantung kepada kematangan dan pengalaman guru tersebut. Kenyataan ini disokong oleh data kajian di mana seramai 16 orang guru yang mewakili lebih daripada jumlah responden merupakan guru yang sudah mengajar lebih daripada 5 tahun.

Namun begitu, masih terdapat peratusan kecil guru yang sebenarnya masih kurang cakna akan pelaksanaan PIKeBM yang telah berkuatkuasa bermula Mac 2021 lalu. Hal seperti ini seharusnya tidak berlaku kerana seorang guru perlu peka akan setiap strategi yang digariskan oleh KPM untuk menjamin pendidikan yang berkualiti. Justeru, kajian ini boleh menjadi penanda aras awal atau kajian rintis berkenaan tahap pelaksanaan PIKeBM dalam aktiviti kokurikulum memandangkan belum ada kajian yang memfokuskan PIKeBM pernah dijalankan oleh pengkaji lain. Oleh itu, pengkaji sangat berharap kajian yang memfokuskan kepada PIKeBM ini dapat dijalankan dengan skop dan perspektif yang lebih luas agar pihak KPM dapat menilai keberkesanan strategi yang dicanangkan kepada warga pendidik di Malaysia.

Rujukan

- Akerson, V.L., Blick, L.B. & Lederman, N.G. (2000). The influence of primary children's idea in Science on teaching practice. *Journal of Research in Science Teaching*, 37(4), p. 363-383.
- Baharin Abu dan Hasnita Ismail @ Nawang. (2010). Tahap kesediaan guru pelatih ijazah sarjana muda teknologi serta pendidikan kemahiran hidup mengajar subjek kemahiran hidup di sekolah menengah. Unpublished.
- Bryant, E.C. (1974). *Associations between Educational Outcomes and Background Variables* (Monograph). Denver, CO: National Assessment of Educational Progress.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*. Buku 2. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd
- Kamaruddin Ismail. (2010). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru kimia terhadap kaedah pembelajaran koperatif. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamus Dewan (ed. Ke-4). (2007). *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. (2020). Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2), p. 9-17. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/9167>
- Noor Desiro Saidin & Hazrati Husnin. (2021). Google Classrrom Sebagai Pelantar M-Pembelajaran: Tahap Pengetahuan Dan Tahap Kesediaan Guru-Guru Sekolah Menengah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), p. 278-292. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/14100>
- Nur Fatahiyah Mohamed Hata & Siti Nur Diyana Mahmud. (2020). Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan pendidikan STEM dari aspek pengetahuan, sikap dan

- pengalaman mengajar. *AKADEMIKA*, 90 (3).
<https://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/1300>
- Sivakhami K. Ganesan & Norazah Mohd Nordin. (2023). Kesiediaan Guru Dalam Melaksanakan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), p. 113-122.
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/21673>
- Tan Ching & Ruhizan Mohammad Yasin. (2022). Penerapan Kaedah Didik Hibur Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), p. 459-474. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/18137>